

23/03/2004

Tujuh muka baru teruskan penguasaan

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Tujuh muka baru yang diberi kepercayaan mengisi kerusi yang dikosongkan bekas pemimpin tertinggi Barisan Nasional (BN), meneruskan penguasaan BN di kawasan terbabit termasuk di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Di KEDAH, calon BN, Datuk Johari Baharom yang diberi mandat untuk mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu yang disandang Tun Dr Mahathir Mohamad selama enam penggal, menewaskan calon Pas, Dr Abdul Isa Ismail dengan majoriti 13,712 undi.

Johari yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri dan Ketua Penaja Umno Bahagian Kubang Pasu, memperoleh 26,657 undi, manakala Dr Abdul Isa mendapat 2,945 undi.

Di kerusi Parlimen Merbok pula, calon BN, Datuk Zainuddin Maidin menewaskan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saiful Izham Ramli dengan majoriti 15,162 undi.

Zainuddin memperoleh 29,196 undi, manakala pencabarnya mendapat 14,034 undi. Sebelum ini, kerusi Parlimen itu disandang bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Seorang lagi muka baru, Nawawi Ahmad pula menewaskan calon Pas, Mazlan Ahmad dengan majoriti 6,175 undi di DUN Kuah yang sebelum ini disandang bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid. Nawawi memperoleh 8,065 undi, manakala Mazlan mendapat 1,890 undi.

Di JOHOR, BN mempertahankan kerusi Parlimen Labis apabila Pengerusi MCA Johor, Datuk Dr Chua Soi Lek menewaskan Tee Gey Yan (DAP) dengan majoriti 10,729 undi.

Chua memperoleh 16,469 undi, manakala Tee mendapat 5,740 undi. Sebelum ini, kerusi itu disandang bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Di MELAKA, calon muka baru BN kerusi Parlimen Bukit Katil, Datuk Prof Dr Mohd Ryddin Abdul Ghani menang dengan majoriti 27,252 undi apabila menewaskan calon Keadilan, Khalid Jaafar.

Mohd Ryddin mendapat 39,491 undi, manakala pencabarnya, 12,239 undi. Beliau mempertahankan kerusi yang disandang bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba. Kerusi itu sebelum ini dikenali sebagai Batu Berendam.

Di SARAWAK, kerusi Parlimen Kanowit yang dikosongkan bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie, dimenangi calon BN, Aaron Ago Dagang yang memperoleh 3,175 undi. Beliau menewaskan calon Bebas, Frederick Bungsu Janton dengan majoriti 306 undi.

Calon BN di Parlimen Petra Jaya, Fadilah Yusuf juga berjaya mempertahankan kerusi yang dikosongkan bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Dr Sulaiman Daud.

Fadilah memperoleh 18,236 undi, menewaskan calon Keadilan, Wan Zainal Abidin Wan Senusi yang mendapat 5,420 undi.

Sebelum itu, pada hari penamaan calon 13 Mac lalu, calon BN Parlimen Kuala Rajang, Datuk Wahab Dolah menang tanpa bertanding. Beliau mempertahankan kerusi yang disandang Menteri Tugas-Tugas Khas, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi.